

USIM anjur bengkel kerjaya

KUALA LUMPUR 18 Sept. - Sebanyak 406 ahli iCEPS 10 menyertai bengkel Persediaan Kerjaya anjuran Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang berlangsung selama dua hari, bermula 13 September lalu.

Pensyarah kanan fakulti itu, Dr. Ummi Salwa Ahmad Bustamam berkata, bengkel yang dikendalikan sepenuhnya oleh JobHouse itu bertujuan memberi pendedahan kepada peserta mengenai persiapan personaliti dan teknik untuk menghadiri temu duga serta penulisan resume yang berkesan.

"Buat julung kalinya bengkel ini diadakan di sini atas inisiatif pihak fakulti dalam memberi impak dan pengalaman baharu kepada semua ahli iCEPS 10 untuk melaksanakan tugas dan persediaan melangkah ke alam pekerjaan kelak.

"Pengisian bengkel ini terbahagi kepada empat sesi iaitu personaliti dan ketrampilan diri, penulisan resume, teknik-teknik ketika menghadiri temu duga, dan percubaan temu duga (Mock Interview) oleh panel daripada JobHouse," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif JobHouse, Sam Elias berpendapat, graduan perlu memegang tiga prinsip utama khususnya mereka yang sedang mencari pekerjaan antaranya menanam sikap sabar dengan segala dugaan yang dihadapi, sikap ingin belajar dan tidak berputus asa serta perlu mencari pengalaman.

"Tiga prinsip itu perlu dijadikan panduan bagi setiap graduan untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih cerah," jelasnya.

Tambahnya, setiap orang perlu keluar daripada zon sederhana demi mencari sesuatu kelainan dalam pasaran kerjaya dalam dunia serba moden.

"Hal ini kerana siswazah bumiputera lepasan universiti tempatan dilihat setanding dengan graduan universiti luar negara, bahkan ada yang lebih baik daripada mereka," katanya.